

# Belajar berjadual cetus kejayaan

Oleh **TAUFIK SALIMIN**  
berita@kosmo.com.my

**BATU PAHAT** - Sistem belajar yang berjadual diterapkan oleh bapanya sejak berada di sekolah rendah ternyata membuahkan hasil buat Mohd. Solehin Mohd. Nasir, 24, apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Diraja pada Konvokesyen ke-13, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini semalam.

Amalan yang diteruskan hingga ke peringkat universiti itu membolehkan Mohd. Solehin tersenyum puas apabila berjaya mengumpul Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.79 bagi pengajiannya selama empat tahun dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik.

Menurut anak kepada pesara polis itu, amalan belajar mengikut jadual setiap hari dengan pembahagian masa bermula selepas subuh, petang dan lewat malam sememangnya banyak memantulkannya dalam pelajaran.

Sejak kecil, ayah memulainya menerapkan cara belajar mengikut jadual supaya



**MOHD. SOLEHIN** (tengah) diapit ayahnya, Mohd. Nasir dan ibu, Norsiah pada Konvokesyen ke-13 UTHM, Batu Pahat semalam.

ya lebih mudah dan tersusun. Jadi apabila sudah biasa, saya mengamalkan teknik tersebut supaya sesi pembelajaran saya jadi mudah," katanya ketika ditemui selepas tamat majlis konvokesyen itu.

Majlis konvokesyen yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam melibatkan 3,520 graduan yang disempurnakan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang merupa-

kan Canselor UTHM.

Turut hadir Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin serta bapa dan ibu Solehin, Mohd. Nasir Hamid Saltn dan Norsiah Othman.

Anak kedua daripada tiga beradik yang berasal dari Simpang Renggam itu juga berkongsi rahsia kejayaannya yang meminum madu lebah dua kali sehari untuk meningkatkan kecerdasan fikiran.